



Terma dan Syarat – Promosi iPhone 16 di Switch dan Urban Republic

Butiran Promosi:

Nikmati Baucar Tunai RM200 untuk pembelian aksesori apabila anda membeli mana-mana barisan iPhone 16 melalui Pelan 0% EasyPay dengan Kad Kredit/-i BSN di mana-mana cawangan Switch atau Urban Republic

Tempoh Promosi:

13 September 2024 – 30 April 2025

Klik di [sini](#) untuk mencari cawangan Switch berdekatan anda.

Klik di [sini](#) untuk mencari cawangan Urban Republic berdekatan anda.

Terma dan Syarat:

1. Pembayaran hendaklah dibuat dengan Kad Kredit/-i BSN ("Kad BSN").
2. Promosi terpakai untuk perbelanjaan dengan Pelan 0% EasyPay BSN sahaja di cawangan Switch dan Urban Republic di Malaysia, tertakluk kepada ketersediaan.
3. Promosi adalah terhad kepada 400 Baucar Tunai, berdasarkan yang pertama didahulukan, sementara stok masih ada.
4. Untuk menebus Promosi:
 - Dapatkan mana-mana barisan iPhone 16;
 - Sebelum membuat pembayaran dengan Pelan 0% EasyPay BSN, minta RM200 Baucar Tunai di kaunter juruwang; dan
 - Baucar Tunai mesti digunakan dalam bil yang sama. Baucar Tunai hanya boleh digunakan untuk pembelian aksesori bagi telefon mudah alih/tablet/computer riba; ia tidak boleh digunakan untuk membeli iPhone, ditolak daripada pembelian iPhone 16 atau sebarang telefon mudah alih yang lain.
5. Promosi tidak boleh ditukar dengan wang tunai atau digunakan bersama/digabung dengan diskaun, promosi, baucar atau kad kesetiaan/istimewa lain.
6. Promosi ini tertakluk pada cukai atau levi, jika berkenaan.
7. Promosi ini tertakluk pada Terma dan Syarat seperti yang dinyatakan di sini dan terma dan syarat penjual terbabit.
8. Bank Simpanan Nasional ("Bank") dan penjual terbabit berhak untuk meminda, memendekkan, membatalkan, menangguhkan atau menghentikan Promosi atau mana-mana bahagian Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dengan memberikan dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu kepada Ahli Kad. Notis tersebut akan diumumkan oleh Bank melalui laman webnya di www.bsn.com.my, dan/atau melalui cara komunikasi lain yang ditentukan oleh Bank.
9. Polisi Privasi di laman web www.bsn.com.my adalah terpakai.

Penafian

Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap produk dan/atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pedagang yang berkaitan. Produk dan/atau perkhidmatan adalah di bawah tanggungjawab pedagang sepenuhnya, berdasarkan terma dan syarat yang ditentukan oleh pedagang tersebut. Sebarang persoalan atau pertikaian berkenaan produk dan/atau perkhidmatan hendaklah dirujuk kepada atau diselesaikan dengan pedagang yang berkaitan.